

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)6

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

6. Apakah status terkini rundingan atau pelaksanaan projek pengambilan air dari Sungai Perak, dan sejauh mana ia telah bergerak untuk menjamin bekalan air jangka panjang bagi Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Projek pengambilan air dari Sungai Perak merupakan inisiatif strategik jangka panjang bagi menjamin kesinambungan bekalan air mentah ke Negeri Pulau Pinang. Projek ini merupakan penyelesaian bagi menjamin keselamatan dan kelestarian bekalan air jangka panjang sehingga Tahun 2050.

Kerajaan Negeri Perak telah melantik Konsortium Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) – Kumpulan Gamuda Berhad (PKNP-Gamuda) sebagai wakil rasmi negeri tersebut bagi mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan dan melalui Mesyuarat

Rundingan Bilangan 3 Tahun 2025 pada 10 Oktober 2025, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan dasar yang akan menjadi asas kepada pertimbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membuat keputusan berhubung cadangan pembelian air terawat daripada Negeri Perak.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Konsortium PKNP Gamuda pada 6 November 2025 bertempat di Casuarina Convention Centre 1 (CCC1), Hotel Casuarina@Meru, Ipoh bagi projek pembekalan air terawat dari Sungai Perak. Dengan termeterainya MoU ini, ianya bakal membolehkan Pulau Pinang membeli sekurang-kurangnya 300 juta liter air terawat sehari mulai tahun 2031 daripada Negeri Perak.

Perjanjian ini adalah hasil rundingan intensif yang menetapkan terma utama penjualan air kepada Pulau Pinang, termasuk harga, jumlah dan tempoh pembekalan, sebagai asas kepada Perjanjian Pembekalan Air Pukul (BWSA) yang akan dimeterai nanti. Kedua-dua pihak mensasarkan untuk memuktamadkan BWSA dalam

tempoh enam bulan, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa berkaitan.